

Dasar Privasi

Oxford University Press ("OUP") komited untuk melindungi maklumat peribadi anda dan menghormati undang-undang perlindungan data di seluruh dunia. Dasar privasi ini menerangkan cara kami melakukannya ini dan ini berkenaan dengan penggunaan tapak web, produk dan perkhidmatan OUP oleh anda.

Cara kami menggunakan maklumat peribadi anda

Kami menggunakan maklumat peribadi untuk mempromosikan dan produk serta perkhidmatan OUP, untuk memastikan keselamatan tapak web kami dan untuk mengendalikan perniagaan kami. Pada [halaman ini](#), kami telah menyediakan maklumat lanjut tentang kategori maklumat peribadi yang kami kumpulkan, cara khusus kami memproses maklumat peribadi tersebut, asas undang-undang yang membenarkan kami melakukannya dan jenis rakan niaga yang kami berkongsi maklumat peribadi anda.

Dalam sesetengah keadaan apabila kami meminta maklumat peribadi anda, kami berbuat demikian kerana kami perlu memenuhi permintaan atau pesanan anda (contohnya, memerlukan alamat anda untuk menghantar pesanan anda). Jika anda tidak memberikan maklumat peribadi itu, kami tidak akan dapat memproses permintaan atau pesanan anda.

Memberikan dan menarik balik keizinan anda, dan mengemaskinikan maklumat peribadi anda

Jika keizinan anda diperlukan untuk kami memproses maklumat peribadi anda, kami akan meminta keizinan anda pada masa anda memberikan data anda. Anda berhak untuk menarik balik keizinan tersebut pada bila-bila masa. Anda juga boleh mengemaskinikan maklumat peribadi anda pada bila-bila masa. Jika anda ingin mengambil mana-mana tindakan tersebut, hubungi kami di privacy@oup.com.

Kami tidak menjual maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga.

Menyimpan maklumat peribadi anda

Maklumat peribadi anda mungkin akan disimpan dan diproses di luar negara asal tempat maklumat itu dikumpulkan, termasuk di luar Kawasan Ekonomi Eropah. Apabila memindahkan maklumat kepada pihak lain, dalam EEA atau sebaliknya, kami memastikan bahawa langkah teknikal dan perlindungan yang sesuai dan wajar disediakan bagi melindungi data peribadi anda. Untuk berbuat demikian, kami menggunakan klausa kontrak standard yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Eropah atau kami menggunakan pensijilan Perlindungan Privasi atau Peraturan Korporat yang Mengikat yang disediakan oleh pembekal kami, atau kami melaksanakan langkah lain yang serupa yang diperlukan oleh undang-undang di seluruh dunia. Salinan mekanisme yang berkenaan boleh disediakan untuk semakan anda atas permintaan dengan menghantar e-mel kepada Pegawai Privasi Data kami di privacy@oup.com.

Kami akan hanya menyimpan rekod maklumat peribadi anda selagi diperlukan secara wajar bagi tujuan pengumpulan maklumat itu dan bagi mematuhi apa-apa kewajipan berkanun atau kawal selia yang berkenaan dengan penyimpanan rekod. Kami menghormati permintaan untuk menghentikan pemprosesan data peribadi anda bagi tujuan pemasaran. Hal ini termasuklah menyimpan rekod permintaan anda untuk tempoh yang tidak ditetapkan supaya kami boleh menghormati permintaan anda pada masa hadapan.

Kuki

Kami menggunakan kuki di tapak web kami dan teknologi yang serupa dalam aplikasi dan perisian lain kami. Sila lihat [Dasar Kuki](#) kami untuk mengetahui butiran tentang cara ini berkenaan dengan anda.

Hak anda

Anda berhak untuk meminta akses kepada dan pembetulan atau pemadaman maklumat peribadi, berhak untuk mengehadkan pemprosesan maklumat peribadi anda dan berhak untuk tidak menyetujui pemprosesan maklumat peribadi anda. Anda berhak untuk tidak menyetujui maklumat peribadi anda diproses atas alasan kepentingan OUP yang sah. Anda berhak untuk tidak menyetujui kami menghantar bahan pemasaran langsung kepada anda dan memprofil anda bagi tujuan pemasaran langsung. Anda boleh menghubungi kami melalui e-mel di privacy@oup.com berkenaan dengan apa-apa hak yang diterangkan dalam perenggan ini atau jika anda mempunyai apa-apa soalan mengenai dasar privasi ini. Anda berhak untuk membuat aduan tentang tindakan kami memproses maklumat peribadi anda dengan pihak berkuasa yang menyelia perlindungan data di negara tempat anda menetap, bekerja atau percaya mungkin telah berlaku pencerobohan maklumat.

Menghubungi kami

Pengawal data bagi tapak web, produk dan perkhidmatan kami ialah The Chancellor, Masters and Scholars of the University of Oxford, yang berdagang sebagai Oxford University Press, di Great Clarendon Street, Oxford OX2 6DP, United Kingdom, melainkan dinyatakan sebaliknya di tapak web, produk, perkhidmatan atau borang yang anda gunakan untuk memberikan data peribadi anda kepada kami. Sebagai contoh, jika anda memberikan data peribadi anda melalui tapak web www.oupe.es, pengawal data ialah Oxford University Press España S.A. Jika anda kurang pasti tentang identiti pengawal data anda atau mempunyai pertanyaan lain berkenaan dengan dasar ini, Pegawai Privasi Data (Pegawai Perlindungan Data) OUP boleh dihubungi di alamat yang sama atau melalui e-mel di privacy@oup.com.

Apakah maklumat yang dikumpulkan oleh OUP?

Kami mengumpulkan dan memproses data peribadi tentang anda apabila anda membeli barang dan perkhidmatan daripada kami dan berinteraksi dengan kami dan tapak web kami. Maklumat ini termasuk:

- Nama, nama pengguna dan kata laluan anda.
- Alamat kediaman atau perniagaan, alamat e-mel dan nombor telefon anda.
- Butiran bayaran dan penghantaran anda, termasuk alamat pengebilan dan penghantaran serta butiran kad kredit, sekiranya anda membuat pembelian daripada kami.
- Keutamaan pemasaran anda, termasuk apa-apa keizinan yang telah anda berikan kepada kami.
- Maklumat tentang pelayar atau peranti yang anda gunakan untuk mengakses tapak web kami.
- Rekod penggunaan perkhidmatan OUP oleh anda.

Bagaimanakah OUP menggunakan maklumat anda?

Kami menggunakan maklumat anda seperti yang berikut:

- Untuk memenuhi kontrak dengan anda atau mengambil langkah atas permintaan anda sebelum ini:
 - Memenuhi pesanan
 - Menyediakan maklumat dan sokongan teknikal jika anda membuat permintaan tersebut
 - Menghubungi anda dengan maklumat tentang perubahan kepada perkhidmatan
 - Mengendalikan maklumat kad kredit yang diberikan melalui tapak web kami dengan menggunakan perkhidmatan bayaran patuh PCI
 - Mengurus persaingan
 - Menyimpan dan menganalisis maklumat anda untuk menyemak dan memproses permohonan kerja anda

- Seperti yang diperlukan oleh OUP untuk menjalankan perniagaan kami dan menjaga kepentingan kami yang sah, terutamanya:
 - Memberi anda akses kepada produk atau perkhidmatan yang dipesan oleh institusi anda
 - Menyediakan kandungan yang berbeza dalam lingkungan sesuatu produk atau perkhidmatan kepada anda, bergantung pada cara anda menggunakan produk atau perkhidmatan tersebut
 - Memaklumkan anda tentang produk dan perkhidmatan OUP melalui pos, e-mel dan telefon, mengikut keutamaan pemasaran anda dan undang-undang yang berkaitan dengan pemasaran langsung
 - Menyediakan pengiklanan sasaran bagi produk dan perkhidmatan OUP yang, pada pendapat kami, anda mungkin berminat, berdasarkan cara anda menggunakan tapak web, produk dan perkhidmatan OUP
 - Menganalisis cara anda menggunakan produk dan perkhidmatan OUP agar kami dapat menambah baik tahap perkhidmatan serta membangunkan produk dan perkhidmatan pada masa hadapan, termasuk melalui penggunaan kaji selidik
 - Memastikan keselamatan tapak web dan sistem teknologi maklumat OUP dan melindungi hak OUP

- Apabila anda memberikan keizinan kepada kami:
 - Jika kami memerlukan keizinan anda untuk menghantar bahan pemasaran bagi produk dan perkhidmatan OUP kepada anda
 - Untuk menempatkan kuki dan menggunakan teknologi yang serupa pada peranti anda seperti yang diterangkan dalam [Dasar Kuki](#) kami.

- Bagi tujuan yang diperlukan oleh undang-undang:
 - Berkongsi maklumat peribadi anda untuk mematuhi kewajipan undang-undang yang harus dipatuhi oleh OUP

Bagaimanakah OUP akan berkongsi maklumat anda?

Kami berkongsi butiran peribadi anda

- Dalam OUP dan dengan syarikat kumpulan yang terlibat dalam menjalankan pemprosesan yang diterangkan di atas
- Dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang memproses maklumat anda bagi pihak OUP bagi tujuan yang di atas – seperti pemproses bayaran atau tempat yang mengurus pesanan anda
- Dengan pihak ketiga yang dikenal pasti sebagai promoter bersama peraduan yang anda sertai
- Dengan persatuan keserjanaan yang jurnalnya diterbitkan oleh OUP dan anda atau institusi anda melanggan jurnal tersebut
- Dengan institusi yang melaluinya anda mempunyai akses kepada perkhidmatan OUP.

Kami juga akan berkongsi maklumat peribadi anda:

- Jika kami berpendapat bahawa tindakan itu adalah perlu bagi melindungi hak, harta benda atau keselamatan OUP, pekerja kami, rakan komersial kami atau pelanggan kami. Hal ini termasuklah berkongsi maklumat bagi tujuan perlindungan penipuan dan pengurangan risiko kredit.
- Dengan pihak berkuasa kerajaan dan/atau pegawai penguatkuasaan undang-undang jika diperlukan oleh undang-undang.